

**PERATURAN PERTANDINGAN
SUKAN MEMANAH
MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH PULAU PINANG**

1. **UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN**

Selain daripada peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archery Federation'(WA) dan peraturan-peraturan AM MSSPP.

2. **JENIS PERTANDINGAN**

2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Pusingan Kelayakan WA dan Pusingan Olimpik Individu (kalah mati)dalam jangka masa tiga (3) hari termasuk hari latihan rasmi (sighters) yang akan dijalankan sebelum sesuatu jarak dimulakan.

ACARA	KATEGORI	JANTINA	JARAK
Pusingan WA Individu & Berpasukan	18 tkb	L & P	70 m
	15 tkb	L & P	60 m
	12 tkb	L & P	30 m
Pusingan Olimpik Individu, Berpasukan dan Campurab	18 tkb	L & P	70m
	15 tkb	L & P	60m
	12 tkb	L & P	30m

3. **SISTEM PERTANDINGAN**

3.1 PUSINGAN KELAYAKAN WA

Setiap peserta diwajibkan memanah dua kali jarak ikut Kategori masing-masing sebanyak tiga puluh enam (36) anak panah bagi setiap jarak yang berjumlah Tujuh Puluh Dua (72) anak panah keseluruhan. Peserta/Pasukan yang mendapat mata tertinggi akan dikira pemenang.

3.2 PUSINGAN OLIMPIK INDIVIDU

16 orang peserta terbaik dalam Pusingan FITA layak bertanding dalam pertandingan ini. Dijalankan secara kalah keluar/mati.

Kategori : 18 tkb/Tingkatan 6 (Lelaki & Perempuan) – Jarak 70 meter
: 15 tkb L & P – Jarak 60 meter
: 12 tkb L & P – Jarak 30 meter

T/Face : 122 cm

16 orang pemanah terbaik dari setiap kategori layak ke bertanding di peringkat kalah mati.

3.3 PUSINGAN OLIMPIK BERPASUKAN DAN CAMPURAN

Semua pasukan yang mendaftar minima 3 orang peserta bagi setiap kategori 12, 15 & 18 tkb layak bertanding dalam pertandingan ini. Dijalankan secara kalah keluar/mati.

Kategori : 18 tkb L & P – Jarak 70 meter
: 15 tkb L & P – Jarak 60 meter
: 12 tkb L & P – Jarak 25 meter

T/Face : 122 cm

8 pasukan terbaik dari setiap kategori layak bertanding peringkat kalah mati

4. **PENDAFTARAN PEMAIN/PESERTA**

4.1 Setiap sekolah hanya dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 4 orang bagi setiap kategori sahaja. Setiap peserta sama ada acara perseorangan atau berpasukan sekiranya tidak diiringi oleh seorang guru yang bertindak sebagai pengurus pasukan, penyertaannya ditolak.

4.2 Acara Perseorangan

Bilangan peserta bagi setiap kategori umur tidak lebih daripada 4 orang sahaja(peringkat daerah), walau bagaimanapun bagi sekolah yang ingin menghantar lebih peserta pihak pengelola akan mempertimbangkannya. Peserta hanya boleh bertanding di dalam kategori umurnya sahaja.

4.3 Acara Berpasukan Pusingan WA dan Olimpik

Setiap pasukan hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan perempuan sahaja mengikut kategori umur.

4.2.1 Setiap pasukan terdiri daripada empat (4) orang peserta. Jumlah mata yang tertinggi bagi tiga (3) orang peserta adalah dikira pemenang.

4.2 Pasukan yang menghantar kurang daripada tiga (3) peserta tidak layak menyertai acara pasukan.

4.3 Bagi Acara Campuran Lelaki dan Perempuan setiap sekolah yang mendaftar sekurang-kurangnya dua (2) orang peserta bagi setiap kategori layak untuk menyertai acara tersebut,

5. **GELANGGANG / ALATAN**

5.1 Rujuk Undang-undang International Archery Federation (FITA)

5.2 Kategori 15 & 18 TKB – Lelaki & Perempuan

5.2.1 Jenis Bow - Recurve Bow

5.2.2 Anak Panah - Carbon Arrows dan ke bawah

Peralatan yang digunakan bagi acara Kategori I adalah mengikut undang-undang World Archery (WA) (Article 7.3.1.1)

5.3 Kategori 12 TKB – Lelaki & Perempuan

5.3.1 Jenis Bow - Standard Recurve Bow

5.3.2 Limb - Semua dibenarkan kecuali Carbon Limb

5.3.2 Tali - hanya jenis Dacron

5.3.3 Anak panah - semua jenis aluminium arrow

5.3.4 Sight - Semua jenis sight

5.3.5 Rest - Plastic Rest

5.3.6 Plunger Button - Boleh digunakan

5.3.7 Clicker - Boleh digunakan

5.3.8 Stabilizer - Boleh digunakan

5.3.9 Semua peralatan elektronik tidak dibenarkan

Rujuk FITA Standard Bow Equipment (Article 7.3.1.2) dengan beberapa pindaan.

7. **MASA MELAPORKAN DIRI**

- 6.1 Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim Kejohanan untuk pemeriksaan peralatan pertandingan pada hari latihan rasmi(sighter).
- 6.2 Setiap peserta yang mengambil bahagian MESTI diiringi pengurus pasukan sekolah masing-masing sepanjang kejohanan.
- 6.3 Setiap pengurus pasukan DIKEHENDAKI berada di tempat pertandingan selama 30 minit selepas keputusan rasmi pertandingan dipamerkan.

8. **BANTAHAN**

- 7.1 Setiap pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan mestilah dibuat secara bertulis beserta wang bantahan sebanyak RM 300.00 (Tiga Ratus Ringgit Sahaja) dan diberi kepada Pengelola Pertandingan dalam masa tiga puluh minit (30) minit selepas keputusan rasmi pertandingan dipamerkan.
- 7.2. Wang bantahan akan luput sekiranya bantahan yang dikemukakan didapati tidak wajar.

9. **JURI RAYUAN**

- 8.1 Terdiri daripada Pengerusi Teknik, Ketua Hakim dan tiga (3) orang yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.

10. **PENTAFSIRAN UNDANG-UNDANG**

- 9.1 Jawatankuasa Pengelola berhak membuat tafsiran segala perkara yang tidak disiarkan di dalam undang-undang pertandingan ini dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.